



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU MENERUSI APLIKASI MEDIA SOSIAL DAN KHIDMAT PESANAN RINGKAS (*SMS & WHATSAPP*) BERKAITAN AKTIVITI MENAIK TARAF SISTEM PENGURUSAN PEMBIAYAAN LPPSA**

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) memandang berat terhadap informasi yang disebarkan melalui media sosial dan khidmat pesanan ringkas (*SMS & WHATSAPP*) sejak beberapa hari lalu berkaitan penutupan sistem pengurusan pembiayaan LPPSA secara *online* bermula 14hb Disember 2018 hingga 14hb Januari 2019 lantaran usaha LPPSA di dalam menaik taraf Sistem Pengurusan Pembiayaan (LMS).

Pihak LPPSA ingin menegaskan bahawa informasi tersebut adalah PALSU dan TIDAK BENAR. Sistem pengurusan pembiayaan LPPSA secara *online* akan beroperasi seperti biasa sehingga **pengumuman rasmi** selanjutnya yang akan dilakukan melalui laman sesawang <http://www.lppsa.gov.my/> dan *Facebook Page* Rasmi LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](#). Sebarang maklumat mengenai aktiviti menaik taraf Sistem Pengurusan Pembiayaan LPPSA perlu dirujuk melalui saluran rasmi LPPSA sahaja.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-888801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my/eTiket](http://www.lppsa.gov.my/eTiket).

**7 Disember 2018**